

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MOU)
DI ANTARA**

**KOPERASI USAHAWAN IJTIMA'I PERLIS
BERHAD (KUIPB) DAN JX GREENTECH
SDN BHD WAKIL KILANG CHINA UNTUK
MEMBEKAL DAN MEMASARKAN
MOTOSIKAL ELEKTRIK**

**29 JULAI 2022 (JUMAAT)
5.00 PETANG**

MIECC, SERI KEMBANGAN, SELANGOR

•
Bismillahirrahmaanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Keluarga
Koperasi

Yang Berusaha

Dr Ammar Hassan

Pengerusi Yayasan Keusahawanan

Sosial

(YKS) yang juga Pengerusi Koperasi

Usahawan Ijtima'i Perlis Berhad (KUIPB)

dan wakil KUIPB

Encik Muhamed Dzarfan Presiden
Merangkap CEO JX Greentech Sdn Bhd

Mr. Alex Wong Pengarah JZ Greentech
Sdn Bhd dan Rakan - rakan dari Wakil
Pengilang dari Negara China

Pengerusi-Pengerusi dan Anggota
Lembaga koperasi-koperasi

Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati
sekalian.

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat ALLAH S.W.T. yang memberi keizinan untuk kita menjayakan majlis ringkas upacara menandatangani MoU antara Koperasi Usahawan Ijtima'I Perlis Berhad (KUIPB) dan JX Greentech Sdn Bhd wakil kilang China untuk membekal dan memasarkan motosikal elektrik.

2. ANGKASA Mengucapkan Syabas dan tahniah kepada Koperasi KUIPB dan Syarikat Greentech Sdn Bhd yang menjadi peneraju projek Motosikal Elektrik untuk rakyat Malaysia. Motosikal Elektrik mesra alam ini, mempunyai ciri-ciri unik seperti kurang pencemaran,

menjimatkan kos, harga mampu milik dan kurang kemalangan.

Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekaian

3. Ini merupakan produk inovatif yang patut direbut koperasi.

Masyarakat kini, lebih gemar memilih produk-produk mesra alam yang tidak menggunakan bahan bakar. Ini kerana masyarakat makin peka dalam menjaga alam sekitar dan melindungi persekitaran.

4. Selain itu, koperasi harus

memfokuskan kepada produk-produk baharu yang diperlukan pengguna dan ada pasaran. Ini bagi memastikan koperasi terus relevan dan dapat menjana pendapatan.

5. Saya menyarankan agar koperasi-koperasi di seluruh Malaysia

merebut peluang ini, menjadi pengedar kepada anggota-anggota sebagai tambahan pendapatan kepada Koperasi.

6. Saya akan berbincang dengan Dr. Ammar Hassan untuk kerjasama mempromosikan Motosikal Elektrik

dalam negara dan juga cadangan kerjasama dengan ACO untuk memasarkan kepada koperasi-koperasi di negara ASEAN.

7. Akhir kata, saya ucapkan tahniah atas termenterainya perjanjian ini, dan berharap kerjasama ini memberi

manfaat kepada semua pihak secara
'win-win situation.'

TERIMA KASIH.

WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHWIWABARAKATUH.